

# KERATAN AKHBAR

## 73 Tabika, tiga Taska Kemas ditutup

Susulan muncul Kluster PUI Sivagangga dalam Parlimen Kubang Pasu

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

**S**ebanyak 73 taman bimbingan kanak-kanak (Tabika) dan tiga taman asuhan kanak-kanak (Taska) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) dalam Parlimen Kubang Pasu ditutup bermula semalam.

Pengarah Kemas Negeri Kedah, Noor Azman Abd Rahman berkata, penutupan itu dilakukan susulan kluster baharu PUI Sivagangga yang dikesan di

kawasan itu.

Menurutnya, arahan penutupan itu merupakan langkah awal bagi pencegahan penularan Covid-19 di peringkat jabatan.

“Seramai 1,605 pelajar Tabika dan 62 pelajar Taska Kemas terlibat dengan penutupan ini. Semua premis akan ditutup selama 14 hari atau sehingga kita menerima arahan dan nasihat selanjutnya daripada Pejabat Kesihatan,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Noor Azman berkata, pelajar yang datang ke Tabika dan Taska semalam telah diminta pulang ke rumah masing-masing.

“Pada masa sama, penutupan sementara ini bagi membolehkan proses pembersihan dan nyah kuman dilakukan di semua



Garis panduan pelaksanaan pengoperasian semula Tabika dan Taska Kemas diperketatkan dalam Parlimen Kubang Pasu.

tadika dan Taska mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang disediakan,” katanya.

Menurutnya, antara Tabika yang ditutup adalah Tabika Ke-

mas Kampung Natoi, Pekan Jitra, Kampung Bemban dan Kampung Tebing yang dikhuatiri mempunyai rekod kontak rapat dengan kluster tersebut.

“Kontak rapat itu melibatkan waris pelajar yang disaring berhubung kluster berkenaan iaitu dari sebuah kedai makan di Napoh,” katanya.

Tambahnya, Tabika Kemas Kampung Tebing terletak paling hampir dengan kedai makan tersebut iaitu kira-kira 500 meter sahaja.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan terdapat kluster baharu dikenalpasti di Kedah iaitu kluster PUI Sivagangga, India.

Kes indeks berkenaan membolehkan seorang pemilik kedai makan dan empat kes positif dalam kluster terbabit ialah pekerja kedai itu.

Premis berkenaan sudah ditutup bagi menjalani proses pembersihan dan nyahkuman.

## KETERANGAN AKHBAR